

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PELABURAN KESIHATAN OLEH GLC NEGERI SELANGOR**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua pelaburan dalam sektor kesihatan oleh GLC Negeri Selangor.
- b) Berapa jumlah pelaburan masing-masing dan apa pulangan yang diperolehi selepas pelaburan tersebut?
- c) Apa rancangan dan pelaburan untuk masa depan dalam sektor ini?

**JAWAPAN:**

- a) Masyarakat peka terhadap kesihatan diri namun hanya mendapatkan rawatan apabila simptom sebenar penyakit kronik seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kanser dan kencing manis telah dikenalpasti. Semakin hari, kos rawatan semakin tinggi terutama apabila telah berada di tahap kritikal. Ini dapat dielakkan jika kita mencegahnya dari awal. Kerajaan negeri memfokuskan kepada program-program pencegahan untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit dan dalam masa yang sama menurunkan kadar penyakit berjangkit. Sebanyak RM21 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan hasrat Selangor Negeri Sihat. Peruntukan ini meliputi RM10 juta untuk Skim Peduli Sihat, Program Pencegahan Denggi RM 3 juta serta Program Bantuan Sihat Selangor termasuk Dialisis berjumlah RM 5 juta.

SELGATE Corporation Sdn Bhd (anak syarikat PKNS) yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mempelopori bidang perniagaan dalam industri penjagaan kesihatan telah membuat pelaburan dalam sektor kesihatan seperti berikut :

- (i) Pembelian sistem pengurusan kesihatan pihak ketiga ataupun *Third Party Healthcare Administration* (TPA)
- (ii) Pembelian ekuiti dalam rangkaian klinik dan pusat perubatan am

- (iii) Pengurusan rangkaian lapan belas (18) klinik
  - (iv) Projek pembangunan hospital (dalam perancangan)
- b) Pelaburan dan pulangan yang diperolehi daripada sistem TPA, pembelian ekuiti dan pengurusan klinik tersebut adalah :

<b>TAHUN</b>	<b>PELABURAN (RM)</b>	<b>PULANGAN / KEUNTUNGAN (RM)</b>
2016	-	777,275.00
2017	10,750,000.00	11,805,138.00
2018	8,594,269.00	46,387,721.00

- c) Secara keseluruhannya, SELGATE merancang untuk menguruskan operasi lapan (8) buah hospital iaitu di :

**Fasa 1 (Menjelang 2020)**

1. Rawang

**Fasa 2 (Menjelang 2022)**

2. Shah Alam
3. Kuala Selangor
4. Bangi

**Fasa 3**

5. Sepang
6. Sri Hartamas, Kuala Lumpur
7. Ipoh, Perak
8. Johor Bahru, Johor

Hospital SELGATE Rawang dijangka siap pembinaanya pada awal 2020 akan memulakan operasi merangkumi wad pelbagai disiplin, pusat dialysis dan bilik pembedahan berteknologi tinggi. Hospital ini bakal memberikan perkhidmatan untuk masyarakat di Rawang dan sekitarnya yang mencecah hampir 800,000

penduduk. Hospital berkenaan bakal memiliki konsep infrastruktur moden dan unik yang berhasrat mencapai penarafan Perak bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Hospital milik SELGATE mengambil pendekatan mampu milik dari segi penetapan harga. Hospital-hospital milik SELGATE juga akan membantu penyelarasan penyaluran geran bantuan dan sebagainya daripada agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Zakat untuk manfaat rakyat dari golongan berpendapatan rendah.

Disamping itu, SELGATE turut menyediakan rangkaian lapan belas (18) klinik di kawasan sekitar Lembah Kelang.

SELGATE juga merancang untuk mengembangkan bisnes dalam bidang dialisis, farmasi, pergigian dan kejururawatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rumah Selangorku jenis A mendapat sambutan yang sangat berbanding dengan jenis lain. Rumah jenis lain kurang digemari disebabkan harga rumah jauh berbeza dengan jenis A. Adakah Kerajaan akan memberi keutamaan untuk membina lebih banyak rumah jenis A daripada jenis-jenis lain?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin malah menggalakkan setiap individu terutamanya golongan berpendapatan rendah atau B40 untuk memiliki rumah idaman mereka sesuai dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu ‘Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna’.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa langkah agar projek Rumah Selangorku Jenis A di bina dengan keutamaan dan lebih banyak dibina bermula daripada peringkat dasar sehingga ke peringkat pemantauan pelaksanaan projek. Dari peringkat dasar, Kerajaan Negeri telah meluluskan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaianya mulai 2 April 2018 bertujuan memastikan Rumah Selangorku Jenis A berada dan banyak di pasaran, setiap pembangunan perumahan berkeluasan melebihi 5 ekar dikenakan syarat penyediaan 10% Rumah Selangorku Jenis A mengikut zon-zon pembangunan. Penyediaan Rumah Selangorku Jenis A ini disyaratkan kepada semua pemaju perumahan sama ada terdiri daripada pemaju swasta, kerajaan atau Anak Syarikat Kerajaan Negeri / Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pembinaan Rumah Selangorku terutamanya Jenis A dibina dan berada di pasaran, Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan pembinaan Rumah Selangorku melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku Negeri Selangor. Sekiranya pihak pemaju tidak membina atau sengaja melambat-lambatkan pembinaan Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan mengeluarkan ‘stop work order’ / tidak

menyokong pengeluaran Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC) serta tidak meluluskan permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perumahan harga bebas atau lain-lain pembangunan sekiranya syarat tersebut tidak dilaksanakan. Pihak pemaju perlu membina Rumah Selangorku Jenis A secara serentak atau bersekali dengan rumah harga bebas.

Selain pemantuan pembinaan projek, Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan pemantauan aktiviti pemasaran yang dibuat oleh pihak pemaju. Pihak pemaju perlu mempromosikan / menyebarluaskan projek-projek Rumah Selangorku yang dibina supaya diketahui oleh rakyat jelata bagi memudahkan bakal pembeli membuat semakan / memohon rumah tersebut.

Dengan adanya langkah- langkah tersebut, ianya dapat memacu serta mencapai matlamat Kerajaan Negeri untuk merancang serta memperbanyakkan projek Rumah Selangorku Jenis A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KADAR TARIF AIR BAHARU**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan kerajaan terhadap penetapan kadar tarif air baharu Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali soalan nombor 156 yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar yang berkaitan dengan kadar tarif air.

- a) Kerajaan Negeri masih berbincang dengan Kerajaan Persekutuan mengenai cadangan kenaikan tarif dengan Kerajaan Persekutuan kerana melalui penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655), kuasa eksekutif diberikan kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air bagi semua negeri di seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan termasuk di dalam menentukan kadar tarif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah jangkaan Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) akan siap sepenuhnya?
- b) Berapakah statistik jumlah kemalangan termasuk kemalangan maut yang berlaku sejak Projek WCE ini bermula?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B. Dato', Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat ini dibuka secara berperingkat seperti berikut:
  1. Satu seksyen sepanjang 19km telah dibuka pada 31 Mei 2019.
  2. Empat seksyen sepanjang 56.2km dijangka akan dibuka pada Ogos 2019.
  3. Empat lagi seksyen sepanjang 72.5km akan dibuka pada tahun 2021.
  4. Dua seksyen terakhir sepanjang 46km akan dibuka pada tahun 2023.
- b) Secara keseluruhannya, terdapat 4 kejadian kemalangan telah berlaku sejak pembinaan Projek WCE bermula yang mana merekodkan 2 kemalangan maut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANGUNAN TERBENGKALAI DI PASIR PENAMBANG**

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan dari Kerajaan Negeri tentang bangunan lot kedai yang terbengkalai di Pasir Penambang, DUN Permatang?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan yang diambil oleh pihak MDKS adalah seperti berikut:-
- i. Surat arahan telah dikemukakan kepada pemaju untuk menyiapkan bangunan kedai tersebut.
  - ii. Pemaju juga telah dipanggil untuk berbincang segera bagi menyiapkannya.
  - iii. Pemaju menghadapi masalah kewangan dan masalah pengurusan dalam menyiapkan bangunan tersebut.
  - iv. Pemaju akan dipanggil lagi di dalam Mesyuarat Pemantauan Projek Terbengkalai di peringkat PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : NOTIS 7A DAN RAMPASAN TANAH**

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dari Jun 2018 hingga Jun 2019, berapakah jumlah pemilik tanah yang telah diberikan Notis 7A, di bawah Seksyen 128 dan 129 Kanun Tanah Negara?
- b) Dari jumlah di atas, berapakah pula yang telah diambil tindakan rampasan tanah?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pemilik tanah yang telah diberikan **Notis 7A** di bawah seksyen 128 Kanun Tanah Negara (KTN) yang telah dikeluarkan oleh PDT seluruh Negeri Selangor dari tempoh Jun 2018 sehingga Jun 2019 adalah sebanyak **70** manakala pemilik tanah yang telah diberikan **Notis 7B** di bawah seksyen 129 KTN dalam tempoh yang sama adalah sebanyak **24**.
- b) Tiada tindakan perampasan tanah yang telah diambil sepanjang Jun 2018 sehingga Jun 2019. Perincian maklumat status tindakan adalah seperti di **Maklumat Tambahan**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PERUSAHAAN BARANGAN KITAR SEMULA**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pengusaha perniagaan kitar semula yang berlesen dan tidak berlesen mengikut PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebuah garis panduan yang jelas dan seragam dilaksanakan di semua PBT?
- c) Apakah tindakan yang dikenakan terhadap pengusaha barangan kitar semula yang tidak berlesen?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pengusaha perniagaan kitar semula yang berlesen dan tidak berlesen mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	PENGUSAHA PERNIAGAAN KITAR SEMULA BERLESEN	PENGUSAHA PERNIAGAAN KITAR SEMULA TIDAK BERLESEN
MBSA	16	26
MBPJ	2	29
MPK	39	41
MPAJ	11	4
PBT	PENGUSAHA PERNIAGAAN KITAR SEMULA BERLESEN	PENGUSAHA PERNIAGAAN KITAR SEMULA TIDAK BERLESEN
MPSJ	20	Tiada rekod
MPS	42	34
MPKj	188 premis	Tidak dapat dipastikan
MPSp	3	0
MDKL	15	2
MDHS	6	0

MDKS	9	0
MDSB	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>352</b>	<b>136</b>

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebuah garis panduan yang jelas dan seragam untuk dilaksanakan di semua PBT Selangor.
- c) Tindakan yang dikenakan terhadap pengusaha barang kitar semula yang tidak berlesen adalah seperti berikut :
  - i) Tindakan kompaun
  - ii) Tindakan notis
  - iii) Tindakan sitaan
  - iv) Tindakan perobohan
  - v) Operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan

] UUK Perlesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : ISU WARGA ASING DAN PELARIAN**

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah ada rancangan bagi menguruskan pelarian ini?
- b) Jika ada, bagaimana ianya berfungsi atau dilaksana secara undang-undang?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan isu peniaga kedai warga asing khususnya warga Aceh yang menjual barang haram seperti rokok?

**JAWAPAN:**

- (a) i. Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan bagi menguruskan pelarian dari kalangan warga asing memandangkan ia bukan berada di bawah seliaan Kerajaan Negeri, sebaliknya di bawah dasar dan kawalan Kerajaan Persekutuan.  
ii. Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf status "Pelarian" memandangkan Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan Malaysia membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang Kad UNHCR (*United Nations High Commissioner for Refugees*) tinggal sementara di negara ini. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas "satu kes ke satu kes" (*case by case basis*).  
iii. Sehubungan dengan itu, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan suatu arahan iaitu Arahan No: 23 yang ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengarah Gerakan Negara bertarikh 24 Ogos 2009, berkaitan Mekanisme PATI Yang Memegang Kad UNHCR.  
iv. "PATI yang memegang Kad UNHCR" ertinya PATI yang diberikan kad pengenalan oleh UNHCR selepas menjalani proses pendaftaran dan temuduga serta disahkan statusnya oleh pertubuhan antarabangsa tersebut.

- (b) i. Bagi membolehkan sesuatu rancangan berfungsi atau dilaksana secara undang-undang, setiap tindakan perlu disokong oleh punca kuasa dan diperuntukkan bidang kuasa yang jelas dari segi kebolehlaksanaannya.
- ii. Mengambil kira faktorkekangan bidang kuasa seperti dinyatakan di perenggan  
(a) di atas, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan bagi menguruskan pelarian dari kalangan warga asing.
- (c) i. Bidang kuasa berkaitan warga asing juga bukan di bawah seliaan Kerajaan Negeri, sebaliknya ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan agensi penguatkuasaan yang terlibat adalah seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Majlis Keselamatan Negara dan sebagainya.
- ii. Kuasa Kerajaan Negeri adalah melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu terhad setakat kawalan dari segi lesen perniagaan terhadap peniaga yang terdiri dari kalangan warga asing.
- iii. Namun begitu, dari segi perancangan, penguatkuasaan, pengoperasian, tangkapan, pengusiran dan kawalan terhadap warga asing dari mana-mana negara luar dan barang haram seperti rokok seludup etc. adalah di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan Persekutuan, yang mana operasi penguatkuasaan oleh agensi berkenaan sedang giat dijalankan secara berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : IPR DAN E-KASIH**

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk penambahbaikan penajaran semula IPR Selangor tanpa melalui semakan silang e-Kasih?
- b) *Sub-soalan telah di tolak*
- c) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : AIR PERCUMA**

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim pemberian air percuma 20m<sup>3</sup> masih dilaksanakan?
- b) Nyatakan jumlah pemilik akaun SYABAS yang tidak menerima air percuma.

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Sg Pelik (Soalan No. 197), Yang Berhormat Bukit Lanjan (Soalan No. 259, Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 262) dan Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 266).

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih meneruskan Program Pemberian Air Percuma sebanyak 20 meter padu kepada semua pengguna di Negeri Selangor.

Objektif perlaksanaan Program Pemberian Air Percuma ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Negeri Selangor, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun program ini telah dapat dinikmati oleh semua peringkat pendapatan. Bagi memastikan program ini menepati objektif perlaksanaannya dan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah perbelanjaan yang lebih berhemah, Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2018 telah meluluskan supaya penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebenar Inisiatif Peduli Rakyat Kerajaan Negeri dengan menyasarkan bantuan kepada kumpulan sasar iaitu golongan yang benar-benar memerlukan dan layak.

Kerajaan Negeri masih meneliti dan memperhalusi mekanisme yang akan digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi pendapatan dan perbelanjaan kewangan negeri pertengahan tahun 2019.
- b) Apakah perancangan pertengahan kedua atas pengurusan kewangan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

*(Jawapan bagi soalan a di bawah adalah sama dengan soalan YB Sijangkang (soalan nombor 180))*

- a) Prestasi pendapatan Kerajaan Negeri bagi 6 bulan pertama sehingga 30 Jun 2019 telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1,424.32 juta iaitu 64.74% daripada sasaran hasil sebanyak RM2,200 juta. Manakala jumlah keseluruhan kutipan hasil pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 1,998.52 juta.

Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga 30 Jun 2019, adalah berjumlah RM565.55 juta iaitu 44.18% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,340.79 juta. Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan mengurus sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 95% daripada jumlah peruntukan.

Prestasi perbelanjaan pembangunan sehingga 30 Jun 2019 adalah RM661.40 juta atau 51.67% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,427 juta. Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan pembangunan sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 90% daripada jumlah peruntukan.

*(Jawapan bagi soalan b di bawah adalah sama dengan soalan YB Bukit Lanjan (soalan nombor 1))*

- b) Perancangan pertengahan kedua atas pengurusan kewangan Negeri Selangor dari aspek kutipan hasil adalah seperti berikut :

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi kewangan melalui peningkatan di dalam prestasi kutipan hasil, mengawal perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta memastikan peningkatan kedudukan kewangan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kutipan hasil adalah seperti berikut :

- (i) Sesi *engagement* yang berterusan oleh pihak Pejabat Tanah Galian Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan;
- (ii) Melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018;
- (iii) Operasi Mengutip Cukai Tanah tertunggak ke atas penunggak tegar dan van kaunter kutipan hasil cukai tanah bergerak;
- (iv) Program Perjumpaan Bersama Penduduk oleh Pejabat Daerah / Tanah dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi urusan permohonan pindah milik / hakmilik strata dan membuka kaunter bayaran cukai tanah;
- (v) Penguatkuasaan oleh Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha Pusat Hiburan / Panggung Wayang / Taman Tema / Litar Lumba / Pertunjukan Pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

- (vii) Pengenaan Caj Royalti bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (viii) Pengenaan Caj Fi Premium Kawasan, Permit Penggunaan serta caj-caj fi yang berkaitan penggunaan kawasan Hutan Simpanan Kekal dan pengeluaran hasil hutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan) 2017 yang telah dinaikkan kadar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (ix) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- (x) Merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- (xi) Melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- (xii) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

Manakala tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut

- (i) Perbendaharaan Negeri Selangor memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah penjimatan di dalam menguruskan perbelanjaan wang awam.
- (ii) Kawalan Perbendaharaan iaitu Penguatkuasaan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan bagi memastikan

pembayaran dibuat dengan sempurna. Contohnya kawalan terhadap pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a).

Seterusnya tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kedudukan kewangan adalah dengan memastikan pengurusan rezab diurus dengan cekap dan teratur dan memastikan segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Maklumat tambahan 1 :

Berikut (Jadual 1) merupakan maklumat tambahan tentang terimaan hasil dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 dan tahun 2018 (bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019 dan bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018) sebagai data sokongan kepada pernyataan di atas.

**JADUAL 1 - TERIMAAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2019 DAN 2018  
(BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN)**

	01 Jan - 30 Jun 2018		01 Jan- 30 Jun 2019		Perbandingan	
	RM Juta	% Belanjawan	RM Juta	% Belanjawan	RM Juta	%
<b><u>HASIL</u></b>						
Hasil Cukai	520.95	81.05%	562.00	80.35%	41.05	7.88%
Hasil Bukan Hasil	588.39	42.22%	682.26	53.32%	93.88	15.96%
Terimaan Bukan Hasil	75.21	35.21%	180.06	81.46%	104.85	139.41%
	1,184.55	52.65%	1,424.32	64.74%	239.77	20.24%
<b><u>PERBELANJAAN MENGURUS</u></b>						
Emolumen	218.85	49.26%	229.52	52.47%	10.67	4.88%
Perkhidmatan Dan Bekalan	196.15	35.18%	226.45	43.05%	30.29	15.44%
Aset	2.65	24.56%	4.20	44.75%	1.55	58.49%

Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	216.69	60.23%	93.77	42.27%	-122.92	-56.72%
Perbelanjaan Lain	17.13	19.56%	11.61	13.61%	-5.53	-32.28%
	651.47	44.62%	565.55	44.18%	-85.92	-13.19%
<b><u>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</u></b>	703.33	42.37%	661.40	51.67%	-41.93	-5.96%
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	1,354.8	43.42%	1,226.95	47.93%	-127.85	-9.44%
Lebihan /Defisit Keseluruhan	-170.25		197.37		367.62	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N52 BANTING)**

**TAJUK : WIFI SMART SELANGOR DI KAWASAN KAMPUNG BARU SUNGAI JAROM**

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pemasangan dan kualiti perkhidmatan WiFi Smart Selangor di kawasan Kampung Baru Sungai Jarom diadu sebagai tidak stabil dan sering terputus. Apakah punca kepada masalah itu dan apakah perjanjian perkhidmatan pembekal internet kepada kerajaan untuk memastikan perkhidmatannya mematuhi?

**JAWAPAN:**

- a) Pemerhatian sedang dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa agar masalah seperti yang diadukan dapat ditangani dengan kadar yang segera. Jika terdapat sebarang isu mengenai WiFi Smart Selangor, aduan boleh dibuat melalui laman web SISPA yang dikendalikan oleh pihak kerajaan negeri. Semua Pembekal Perkhidmatan (*Service Provider*), adalah disyaratkan untuk mematuhi piawaian dan garis panduan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam penyediaan perkhidmatan kepada pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : TANAH PERTANIAN MILIK KERAJAAN**

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kepada pemilik yang menyewakan tanah kepada kepada warga asing terutama di Revolusi Hijau Johan Setia?
  
- b) Apakah tindakan Kerajaan terhadap pendatang asing yang tidak mempunyai permit kerja yang mengusahakan tanah kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) **Jawapan masih belum diterima daripada PDT KLANG & MPK**
  
- b) Mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 , setiap warganegara asing yang berada di negara ini harus memiliki suatu pas/permit yang sah. Justeru itu, tugas penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi mengelak berlakunya penyalahgunaan pas/permit tersebut.

Sehubungan dengan itu, pendatang asing tanpa izin (PATI) atau warganegara asing yang memiliki pas/permit yang sah tidak terkecuali dari dikenakan tindakan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Dalam konteks ini mengikut statistik sehingga bulan Julai 2019, sebanyak 101 operasi bersepada telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen bersama agensi lain seperti Pejabat Daerah & Tanah , Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis Diraja Malaysia termasuk yang melibatkan aktiviti pencerobohan tanah-tanah milik kerajaan di negeri Selangor.

Hasil dari operasi ini, tindakan undang-undang telah diambil mengikut bidang kuasa agensi berkaitan. Bagi pendatang asing tanpa izin (PATI), Jabatan Imigresen telah mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah dan diusir ke negara asal. Manakala tindakan pencerobohan tanah adalah dibawah bidang kuasa Pejabat Daerah & Tanah ( PDT ) atau Pihak Berkuasa Tempatan ( PBT ).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KILANG PLASTIK HARAM**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan bilangan kilang yang telah diambil tindakan untuk memotong bekalan elektrik dan bekalan air di Majlis Perbandaran Klang.
- Adakah cara yang sama akan digunakan terhadap kilang haram yang mendarangkan kacauganggu terutamanya pencemaran air, udara dan bunyi?

**JAWAPAN:**

- Bilangan kilang yang telah diambil tindakan untuk memotong bekalan elektrik dan bekalan air di kawasan Majlis Perbandaran Klang adalah seperti berikut:-

<b>TINDAKAN PEMOTONGAN YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK TNB &amp; SYABAS</b>		
<b>LOKASI</b>	<b>TNB</b>	<b>SYARIKAT BEKALAN AIR</b>
TELOK GONG		2
AIR HITAM	1	
BANDAR SULTAN SULEIMAN	1	
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>2</b>

- Cara yang sama boleh digunakan terhadap kilang haram yang mendarangkan kacauganggu sekiranya mendapat kelulusan daripada pihak TNB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA SUNGAI KAPAR INDAH**

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah penduduk di Taman Sungai Kapar Indah akan memperolehi sebuah sekolah rendah agama sendiri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan pendidikan di Sekolah Rendah agama adalah percuma kepada semua pelajar?

**JAWAPAN:**

- a) Sekolah Rendah Agama Taman Sungai Kapar Indah tidak diperuntukkan RMK-11, sekiranya terdapat permohonan pembinaan Sekolah Rendah Agama akan dipertimbangkan dalam RMK-12.
- b) Ya, Kerajaan mempunyai perancangan memberikan pendidikan secara percuma dan pada masa ini, Kerajaan telah menyediakan seperti berikut:
  - i. Buku Teks
  - ii. Bayaran utiliti: Elektrik dan Air
  - iii. Guru
  - iv. Kawalan keselamatan bagi sebahagian sekolah
  - v. Pembersih kawasan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : BANJIR KILAT**

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri sekiranya berlaku banjir kilat?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi membantu mangsa banjir kilat dari 2016-2018 dalam kawasan Hulu Langat.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor melalui Smart Selangor Command Centre (SSCC) sentiasa beroperasi dalam tempoh 24 jam setiap hari berperanan memantau semua stesen banjir dan paras air di Negeri Selangor. Selain itu juga, hebahan amaran cuaca daripada Jabatan Meteorologi Malaysia akan dipanjangkan kepada semua agensi dan Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan sebagai langkah kesiapsiagaan. Sekiranya kejadian banjir kilat berlaku, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Selangor dan Polis DiRaja Malaysia akan dimaklumkan dengan kadar segera untuk tujuan penyelarasaran operasi bencana secara bersepodu.
- b) Berikut adalah perincian perbelanjaan bagi membantu mangsa banjir kilat bagi tahun 2016 sehingga 2018 di kawasan Daerah Hulu Langat:

<b>TAHUN</b>	<b>SUMBANGAN WANG IHSAN (RM)</b>
2016	10,250.00
2017	-
2018	10,500.00
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>RM 20,750.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PTRS - DUN KOTA DAMANSARA N39**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Agensi manakah yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir program PTRS bagi tahun ini dan 5 tahun yang lalu (2014-2018)?
- b) Berapakah dan siapakah (guru/pengajar dan murid-murid) yang telah terlibat dalam tempoh program tersebut mengikut tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Agensi yang terlibat dalam pelaksanaan PTRS bagi tahun 2014 sehingga tahun 2018 adalah Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat di setiap kawasan Dewan Negeri termasuk kawasan Dewan Negeri Kota Damansara.
- b) Jumlah guru yang terlibat dianggarkan dalam 300 orang dan jumlah murid-murid yang terlibat adalah seramai 4,000 orang yang berdaftar untuk kelseluruhan kawasan Dewan Negeri. Guru-guru dan murid-murid yang terlibat pada waktunya dipilih oleh Koordinator Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor yang dilantik di Pusat Khidmat Masyarakat Kawasan Dewan Negeri masing-masing. Murid-murid dipilih berdasarkan syarat pendapatan keluarga kurang daripada RM3,000 sebulan dan mempunyai pencapaian akademik yang lemah atau sederhana. Manakala guru-guru yang dipilih terdiri daripada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah, pelajar universiti atau bekas guru yang telah berpencen. Namun begitu pada tahun ini program ini telah mendapat kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, guru-guru yang mengajar dipilih daripada guru-guru yang berkhidmat di sekolah dan berkemahiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERLOMBONGAN**

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan hasil kewangan kepada Kerajaan Negeri daripada aktiviti perlombongan, termasuk pasir dan mineral lain.
- b) Apakah potensi yang ada untuk mengembangkan aktiviti dan hasil perlombongan di Selangor pada masa akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Maklumat kutipan hasil royalti bahan batuan pasir dan granit serta mineral bijih timah bagi tahun 2019 adalah seperti jadual di bawah :

Bahan Batuan (Pasir)	Kutipan Royalti (RM)
2017	19,397,890.53
2018	25,608,659.80
2019 <i>* Dikemaskini sehingga 30 Jun 2019</i>	14,856,569.93

Bahan Batuan (Granit)	Kutipan Royalti (RM)
2017	51,948,507.45
2018	54,617,986.94
2019 <i>* Dikemaskini sehingga 30 Jun 2019</i>	27,007,341.22

Mineral (Bijih Timah)	Kutipan Royalti (RM)
2017	125,757.12
2018	148,948.37
2019 <i>* Dikemaskini sehingga 30 Jun 2019</i>	30,802.83

- b) Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan baharu bagi pengembangan aktiviti dan hasil perlombongan mineral bijih timah dan silika di Selangor dengan keluaran empat (4) **Lesen Melombong Tuan Punya** (PML) di atas tanah milik Lion Group di kawasan Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan dengan keluasan kawasan keseluruhan 503.015 Hektar (1,242.977 Ekar) seperti jadual di bawah:

Bil	Pemegang Lesen	No. Lesen	No. Lot / Mukim / Daerah / Luas	Luas	Tempoh Lesen
1	Bonus Essential Sdn. Bhd.	PML 1/2019	Di atas sebahagian tanah milik Lot 74462 Mukim Tanjong Duabelas, Daerah Kuala Langat	128.7 Hektar (318.024 Ekar)	21 Tahun
2	Ultra Legacy Sdn. Bhd.	PML 2/2019	Di atas tanah milik, Lot 12235, Mukim Tanjong Duabelas, Daerah Kuala Langat	161.9 Hektar (400.063 Ekar)	21 Tahun

3	Banting Resources Sdn. Bhd.	PML 3/2019	Di atas tanah milik Lot 12236, Mukim Tanjong Duabelas, Daerah Kuala Langat	139.8 Hektar (345.453 Ekar)	21 Tahun
4	Banting Resources Sdn. Bhd.	PML 4/2019	Di atas tanah milik, Lot 2324, Mukim Tanjong Duabelas, Daerah Kuala Langat	72.615 Hektar (179.437 Ekar)	21 Tahun

Dianggarkan hasil kutipan daripada empat (4) kawasan perlombongan berkenaan akan menyumbang kepada hasil Negeri Selangor (dalam tempoh 21 tahun) berjumlah lebih kurang **RM 523,853,902.00** terdiri dari sumber bijih timah, amang, pasir dan silika.

\* Catatan: Unjuran hasil adalah tertakluk kepada nilai harga timah dunia dan kadar matawang semasa.

Bagi perlombongan pasir pula, terdapat beberapa kawasan di daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor yang berpotensi besar untuk memberikan peningkatan hasil kepada Kerajaan Negeri. Buat masa ini, permohonan masih pada peringkat mendapatkan ulasan agensi teknikal sebelum diangkat pertimbangan awal oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pemantauan Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral Negeri Selangor dan seterusnya diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING**  
**(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA**

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah rumah yang dapat air percuma di Selangor? Sila senaraikan mengikut isi pendapatan rumah.
- b) Berapa jumlah yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskan program air percuma?

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Sg Pelik (Soalan No. 197), Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 250, Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 262) dan Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 266).

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih meneruskan Program Pemberian Air Percuma sebanyak 20 meter padu kepada semua pengguna di Negeri Selangor.

Objektif perlaksanaan Program Pemberian Air Percuma ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Negeri Selangor, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun program ini telah dapat dinikmati oleh semua peringkat pendapatan. Bagi memastikan program ini menepati objektif perlaksanaannya dan seajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah perbelanjaan yang lebih berhemah, Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2018 telah meluluskan supaya penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebenar Inisiatif Peduli Rakyat Kerajaan Negeri dengan menyasarkan bantuan kepada kumpulan sasar iaitu golongan yang benar-benar memerlukan dan layak. Kerajaan Negeri masih meneliti dan memperhalusi mekanisme yang akan digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH PENIAGA RUNCIT WARGA ASING**

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri akan mengarahkan PBT-PBT untuk menggubal UUK bagi tambahan syarat pengeluaran lesen dan tred masing-masing dalam mengekang masalah peniaga-peniaga kedai runcit dan alibaba lesen kepada warga asing?
- b) Apakah syarat-syarat tambahan dan langkah-langkah yang difikirkan untuk mengatasinya?

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 82 (a)(b) daripada Yang Berhormat Taman Medan berkaitan Undang-Undang Kecil PBT.

- a) Setakat ini, tiada sebarang undang-undang atau peraturan yang spesifik bagi mengekang aktiviti dan operasi perniagaan oleh warganegara asing. Walau bagaimanapun Jabatan Pelesenan, PBT Negeri Selangor telah mensyaratkan lesen perniagaan tidak diberikan kepada bukan warganegara Malaysia.
- b) Buat masa ini, tiada sebarang penambahbaikan terhadap undang-undang atau peraturan yang khusus kerana ia adalah terletak di bawah peraturan Jabatan Imigresen. Justeru itu, kuasa PBT dalam menangani warga asing adalah terhad.